

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN (NRC) PERINGKAT**  
**NEGERI PERLIS**  
**10 OGOS 2018**  
**DI DEWAN SERBAGUNA UniMAP, KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

**Yang Berusaha Profesor Madya Ir. Dr. Abu Hassan Abdullah, Dekan, Pusat  
Pengajian Kejuruteraan Mekatronik UniMAP**

**Yang Berusaha Tuan Haji Izmi Haji Ismail, Pengarah Jabatan Pendidikan  
Negeri Perlis**

**En. Sharudin Mahhmud, Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan**

**En. Rusli Yahaya, Ketua Unit Kokurikulum**

**En. Shaifol Hizam Mohamed Ali, Penyelia Kokurikulum**

Wakil Sasbadi Holdings Berhad

Wakil - Wakil serta para peserta Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC)  
2018 Peringkat Negeri Perlis,

seterusnya warga kerja serta hadirin yang dihormati sekalian.

### **ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari ini bagi menghadiri ***PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN (NRC) 2018 PERINGKAT NEGERI PERLIS.***
2. Selamat datang saya ucapkan kepada warga SASBADI dan peserta yang mungkin pertama kali menjejakkan kaki ke UniMAP ini.
3. Saya secara peribadi amat terharu dengan kepercayaan yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Perlis dan Sasbadi Holdings Berhad kepada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik UniMAP untuk menjadi tuan rumah buat kali kedua bagi Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) 2018 Peringkat Negeri Perlis ini.
4. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh jawatankuasa Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) 2018 Peringkat Negeri Perlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN (NRC) 2018 PERINGKAT NEGERI PERLIS**

5. Seperti mana yang kita sedia maklum, PPK Mekatronik sangat aktif menganjurkan bengkel-bengkel robotic menggunakan Lego MINDSTORMS kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di sekitar Perlis dan utara Kedah.

6. Penganjuran program seperti ini merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) untuk dimanfaatkan oleh masyarakat secara keseluruhannya. Kreativiti dan inovasi tidak boleh diajar tetapi ia boleh diterap secara tidak langsung melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan secara terancang.
7. Saya percaya, melalui penganjuran program seperti ini akan dapat menjadi platform terbaik dalam memberi dan menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini kepada pelajar sekolah dan guru amnya.
8. Justeru, adalah diharapkan agar lebih banyak usahasama akan dapat dijalankan, memandangkan ianya dapat menarik minat para pelajar di dalam bidang Sains, Teknologi dan Matematik (STEM) yang amat ditekankan oleh pihak Kementerian Pendidikan kini.

Hadirin sekalian

### **BENGKEL LEGO MINDSTORMS**

9. Saya dimaklumkan bahawa Bengkel LEGO MINDSTORMS yang telah diadakan pada bulan Mac yang lalu oleh PPK Mekatronik, dan ianya telah mendapat persetujuan daripada SASBADI Learning Solutions Sdn. Bhd. Untuk terlibat sama sebagai 'Rakan Rasmi' dalam NRC 2018 ini. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan, saya berharap ianya akan dapat membuka lebih banyak peluang kerjasama pada masa akan datang.
10. Kami di UniMAP mempunyai pelbagai kepakaran dan ia boleh dikongsikan kepada masyarakat. Oleh itu, kami sentiasa mencari ruang dan peluang untuk bersama-sama membantu dalam usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat setempat.

Hadirin sekalian

## **PENUTUP**

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dan Sasbadi Holdings Berhad serta Jawatankuasa Pelaksana yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran program ini berlangsung.
12. Sesungguhnya segala usaha yang dilakukan PPK Mekatronik dalam menjayakan program ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada pelajar untuk lebih mengenali UniMAP umumnya dan PPK Mekatronik khususnya.
13. Akhir kata, tahniah diucapkan kepada para pemenang yang bakal mewakili Negeri Perlis ke NRC 2018 Peringkat Kebangsaan. Kepada yang kurang bernasib baik, cuba lagi tahun hadapan.
14. Kepada semua anak-anak, gunakanlah sebaik-baiknya peluang yang diberikan dan memanfaatkan ilmu-ilmu yang telah dicurahkan.

Saya sudahi dengan Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.